



## CAGAMAS

Rancang program bantu rakyat miliki rumah

Ms.24

# Cagamas rancang program bantu rakyat miliki rumah

➔ Kerjasama strategik dengan KHFC dijangka tingkat kestabilan pasaran

**Oleh Mahanum Abdul Aziz**  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**C**agamas Bhd bercadang memperkenalkan program perkongsian ekuiti perumahan atau pinjaman ekuiti bagi membolehkan lebih ramai rakyat negara ini, terutama golongan B40 memiliki rumah.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong, berkata perbadanan gadai janji nasional itu sedang meneliti kaedah yang sesuai untuk memperkenalkan pro-

gram sedemikian yang sudah dilaksanakan di Australia.

Beliau berkata, Cagamas akan mengumpul maklumat dan membangunkan kaedah yang sesuai supaya ia menepati senario perumahan di negara ini.

"Kami berharap dapat menyiapkan pelan tindakan itu (program perkongsian ekuiti perumahan) tahun ini," katanya ketika ditemui pada Persidangan Membina dan Pembiayaan Rumah Mampu Milik Merentas Asia anjuran Cagamas dan Bank Dunia di Kuala Lumpur, semalam.

### Penukaran pengalaman

Pada persidangan itu, Cagamas juga memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Korea Housing Finance Corporation (KHFC) bagi meninjau kaedah pembiayaan perumahan untuk menggalakkan pemilikan rumah di kedua-dua negara.

Dengan MoU itu, kedua-dua pihak boleh bertukar pengalaman domestik masing-masing dalam pembiayaan peruma-

han, gadai janji dan instrumen kewangan.

Kerjasama strategik itu dijangka meningkatkan kestabilan pasaran perumahan dan gadai janji, gadai janji disokong sekuriti (MBS) dan instrumen untuk memanfaatkan modal swasta kepada pasaran perumahan.

### Bantu 18,000 individu

Mengulas mengenai Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia, Chee Leong berkata, setakat ini, Cagamas sudah membantu 18,000 individu dan isi rumah memiliki rumah di bawah skim berkenaan dengan memberi jaminan pinjaman dan pembiayaan perumahan.

Beliau berkata, kedua-dua skim berkenaan membolehkan individu atau pasangan muda mendapatkan pembiayaan 100 peratus daripada bank yang terbahagi dalam skim berkenaan untuk membeli rumah pertama.

Katanya, ketika ini sebanyak 23 bank menyertai program berkenaan.



Setakat ini, Cagamas sudah membantu 18,000 individu dan isi rumah memiliki rumah di bawah skim berkenaan dengan memberi jaminan pinjaman dan pembiayaan perumahan."

**Chung Chee Leong,**  
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Bhd